

**SOALAN LAZIM BERKENAAN E-INVOIS
BERKUATKUASA 1 OGOS 2024**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu e-Invois?	e-Invois ialah transaksi jualan secara digital di antara pembekal (iaitu TM) dan pembeli (pelanggan berdaftar TM) yang memerlukan pengesahan daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum ia dikeluarkan kepada pelanggan. e-Invois mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen sebelum ini, contohnya, butiran pembekal dan pembeli, deskripsi, kuantiti, harga tidak termasuk cukai, cukai dan jumlah amaun, yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.
2.	Adakah e-Invois akan mengubah kaedah pengebilan semasa TM?	Proses pengebilan sedia ada kekal tidak berubah dengan pengenalan e-Invois. Pelanggan akan terus menerima salinan bil sedia ada dan membuat pembayaran bil seperti biasa. . Sebagai tambahan kepada bil sedia ada, pelanggan akan menerima dokumen e-invois yang memaparkan kod QR LHDN. Ini bermakna, pelanggan akan menerima dua dokumen; bil sedia ada dan e-Invois baharu.
3.	Bagaimanakah saya boleh mendaftar dan mengemas kini maklumat e-Invois saya kepada TM?	Anda boleh mendaftar dan mengemas kini maklumat anda di Portal E-Invois TM, https://e-invoice.tm.com.my.
4.	Bilakah saya perlu mendaftar atau mengemas kini maklumat e-Invois saya dengan TM?	Anda boleh mendaftar atau mengemas kini maklumat e-Invois anda melalui Portal e-Invois TM pada bila-bila masa mengikut keselesaan anda. Sekiranya anda perlu mengemas kini alamat atau sebarang maklumat lain berkaitan e-Invois, anda boleh: - Menghantar semula maklumat anda melalui portal yang sama; atau - Mengemas kini maklumat anda melalui pautan yang disediakan dalam e-mel pengesahan pendaftaran e-Invois anda.
5.	Adakah maklumat yang diberikan akan dilindungi dan selamat?	Pengumpulan maklumat ini adalah bagi tujuan e-Invois sahaja. Maklumat anda tidak akan dikongsi dengan pihak lain dan penyerahan di laman web kami adalah selamat. Untuk butiran lanjut tentang cara kami memproses data peribadi anda, sila rujuk notis privasi kami: Notis Privasi TM

NO.	SOALAN	JAWAPAN																																																									
6.	Apakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN)?	Individu dan entiti perniagaan yang merupakan pembayar cukai berdaftar dengan LHDNM akan diberikan TIN yang dikenali sebagai “Nombor Pengenalan Cukai”. TIN terdiri daripada gabungan Kod TIN dan set nombor seperti berikut: <table><tr><th colspan="3">Category</th><th>Example</th></tr><tr><td colspan="3">Individual TIN</td><td>IG115002000 IG4040080091 IG56003500070</td></tr><tr><td colspan="3">Non-Individual TIN:</td><td rowspan="14">C20880050010 D4800990020 E91005500060 F10234567090</td></tr><tr><td></td><th>Category</th><th>TIN Code</th></tr><tr><td>1</td><td>Companies</td><td>C</td></tr><tr><td>2</td><td>Cooperative Societies</td><td>CS</td></tr><tr><td>3</td><td>Partnerships</td><td>D</td></tr><tr><td>4</td><td>Employers</td><td>E</td></tr><tr><td>5</td><td>Associations</td><td>F</td></tr><tr><td>6</td><td>Non-Resident Public Entertainers</td><td>FA</td></tr><tr><td>7</td><td>Limited Liability Partnerships</td><td>PT</td></tr><tr><td>8</td><td>Trust Bodies</td><td>TA</td></tr><tr><td>9</td><td>Unit Trusts/ Property Trusts</td><td>TC</td></tr><tr><td>10</td><td>Business Trusts</td><td>TN</td></tr><tr><td>11</td><td>Real Estate Investment Trusts/ Property Trust Funds</td><td>TR</td></tr><tr><td>12</td><td>Deceased Person’s Estate</td><td>TP</td></tr><tr><td>13</td><td>Hindu Joint Families</td><td>J</td></tr><tr><td>14</td><td>Labuan Entities</td><td>LE</td></tr></table>	Category			Example	Individual TIN			IG115002000 IG4040080091 IG56003500070	Non-Individual TIN:			C20880050010 D4800990020 E91005500060 F10234567090		Category	TIN Code	1	Companies	C	2	Cooperative Societies	CS	3	Partnerships	D	4	Employers	E	5	Associations	F	6	Non-Resident Public Entertainers	FA	7	Limited Liability Partnerships	PT	8	Trust Bodies	TA	9	Unit Trusts/ Property Trusts	TC	10	Business Trusts	TN	11	Real Estate Investment Trusts/ Property Trust Funds	TR	12	Deceased Person’s Estate	TP	13	Hindu Joint Families	J	14	Labuan Entities	LE
Category			Example																																																								
Individual TIN			IG115002000 IG4040080091 IG56003500070																																																								
Non-Individual TIN:			C20880050010 D4800990020 E91005500060 F10234567090																																																								
	Category	TIN Code																																																									
1	Companies	C																																																									
2	Cooperative Societies	CS																																																									
3	Partnerships	D																																																									
4	Employers	E																																																									
5	Associations	F																																																									
6	Non-Resident Public Entertainers	FA																																																									
7	Limited Liability Partnerships	PT																																																									
8	Trust Bodies	TA																																																									
9	Unit Trusts/ Property Trusts	TC																																																									
10	Business Trusts	TN																																																									
11	Real Estate Investment Trusts/ Property Trust Funds	TR																																																									
12	Deceased Person’s Estate	TP																																																									
13	Hindu Joint Families	J																																																									
14	Labuan Entities	LE																																																									
		<table><tr><th>Category</th><th>Earlier version of TIN</th><th>TIN (Effective 2 January 2023)</th><th>Remarks</th></tr><tr><td>Individual</td><td>SG115002000 SG4040080091 OG56003500070</td><td>IG115002000 IG4040080091 IG56003500070</td><td>The prefix SG/OG converted to IG The numeric characters remain unchanged</td></tr><tr><td>Non Individual</td><td>C2088005001 D480099002 E9100550006 F1023456709</td><td>C20880050010 D4800990020 E91005500060 F10234567090</td><td>The number “0” has been added at the end of the existing TIN</td></tr></table>	Category	Earlier version of TIN	TIN (Effective 2 January 2023)	Remarks	Individual	SG115002000 SG4040080091 OG56003500070	IG115002000 IG4040080091 IG56003500070	The prefix SG/OG converted to IG The numeric characters remain unchanged	Non Individual	C2088005001 D480099002 E9100550006 F1023456709	C20880050010 D4800990020 E91005500060 F10234567090	The number “0” has been added at the end of the existing TIN																																													
Category	Earlier version of TIN	TIN (Effective 2 January 2023)	Remarks																																																								
Individual	SG115002000 SG4040080091 OG56003500070	IG115002000 IG4040080091 IG56003500070	The prefix SG/OG converted to IG The numeric characters remain unchanged																																																								
Non Individual	C2088005001 D480099002 E9100550006 F1023456709	C20880050010 D4800990020 E91005500060 F10234567090	The number “0” has been added at the end of the existing TIN																																																								

Semakan TIN boleh dibuat melalui cara-cara seperti berikut:

- a) Portal IRBM MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- b) Sembang Langsung (“Live Chat”) Hasil;
- c) Talian HASiL Care di +603-8911 1000 / +603-8911 1100 (Luar Negara);
- d) Borang Maklum Balas Pelanggan di portal rasmi Hasil; atau
- e) Cawangan Hasil terdekat.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk e-Invois dengan TM?	Untuk memastikan maklumat e-Invois anda lengkap dan tepat seperti yang diperlukan oleh LHDNM, sila sediakan dokumen sokongan berikut: i. Bagi Individu a. Tangkapan layar TIN individu daripada portal MyTax (untuk pengesahan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)) ii. Bagi Perniagaan a. Tangkapan layar TIN syarikat daripada portal MyTax (untuk pengesahan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)) b. Tangkapan layar daripada portal SSM melalui e-Search (format JPEG) untuk pengesahan Nombor Pendaftaran Perniagaan. c. Tangkapan layar nombor SST daripada laman web rasmi MySST (format PDF atau JPEG), jika berkenaan - untuk pengesahan nombor SST. Sila muat naik dokumen-dokumen ini sebagai lampiran di Portal e-Invois TM.
8.	Apakah perbezaan antara e-Invois dan bil bulanan Unifi?	e-Invois perlu disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum ia dikeluarkan kepada pelanggan. Setelah disahkan, e-Invois akan dihantar kepada pelanggan berserta kod QR. Bil Unifi pula ialah bil yang anda terima bagi langganan perkhidmatan Unifi anda. Bil ini memaparkan maklumat akaun, langganan atau perkhidmatan, tempoh caj, diskaun serta jumlah keseluruhan yang perlu dibayar. Nota: Untuk tujuan pembayaran, sila rujuk kepada bil bulanan Unifi anda seperti biasa.
9.	Bagaimanakah saya akan menerima e-Invois?	e-Invois anda akan dihantar melalui e-mel daripada einvoicing.ar@tm.com.my. Sila berikan alamat e-mel yang sah semasa mendaftar di portal e-Invois TM bagi memastikan anda menerima e-Invois.

10.	Adakah saya akan menerima e-Invois serta merta selepas pendaftaran?	Tidak. e-Invois tidak akan dikeluarkan serta-merta selepas pendaftaran anda. TM memerlukan masa untuk mengesahkan maklumat pendaftaran anda dan memastikan ketepatan laporan serta penyerahan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Setelah maklumat pendaftaran anda berjaya disahkan, pengeluaran e-Invois akan bermula selepas kitaran bil anda yang seterusnya. ➤ Bagi pelanggan yang baru berdaftar, e-Invois anda akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil bulanan anda yang seterusnya. ➤ Bagi pelanggan yang telah berdaftar, e-Invois anda akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil bulanan anda. e-Invois akan dihantar melalui e-mel einvoice.ar@tm.com.my.
11.	Jika saya mendaftar untuk e-Invois pada Julai 2026, bolehkah saya memohon e-Invois bagi bulan sebelumnya seperti Mei dan Jun 2026?	Tidak. Anda tidak akan menerima e-Invois bagi bulan sebelum tarikh pendaftaran anda. e-Invois hanya akan tersedia mulai bulan berikutnya selepas pendaftaran anda berjaya.
12.	Kami memerlukan e-Invois secepat mungkin untuk rekod dalaman dan tujuan pemprosesan pembayaran. Apakah yang perlu kami lakukan?	Jangan risau, tuntutan bagi tujuan cukai pendapatan masih boleh dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menggunakan dokumen bil sedia ada, selaras dengan garis panduan yang dinyatakan dalam Soalan Lazim (FAQ) LHDNM. 4. Are taxpayers allowed to continue claiming for tax deduction / personal tax relief without an e-Invoice? Yes, taxpayers can continue to claim tax deductions or personal tax relief using existing documentation until such time the legislation has been amended. Tiada perubahan pada proses bil dan pembayaran sedia ada. Anda akan terus menerima bil bulanan Unifi dan membuat pembayaran seperti biasa, walaupun dengan pelaksanaan e-Invois. Setelah berjaya mendaftar untuk e-Invois, anda juga akan menerima e-Invois yang mengandungi kod QR LHDNM. Ini bermakna anda akan menerima dua dokumen berasingan: bil bulanan Unifi untuk tujuan pembayaran dan e-Invois untuk tujuan percukaian.

13.	Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak menyerahkan maklumat yang diperlukan untuk e-Invois kepada TM?	Sekiranya maklumat yang diperlukan tidak diberikan atau tidak tepat, permohonan e-Invois anda mungkin akan ditolak oleh LHDNM semasa proses pengesahan. Oleh itu, TM tidak dapat mengeluarkan dokumen e-invois yang telah disahkan.
14.	Adakah keperluan LHDNM untuk e-invois mempunyai implikasi ke atas pembayaran antara pembeli dan penjual?	Tidak, e-invois tidak sepatutnya memberi kesan kepada pembayaran antara pembekal dan pembeli semasa tempoh peralihan e-invois sehingga 1 Julai 2025. Menurut LHDNM (rujuk FAQ), dalam tempoh peralihan, pembayar cukai akan dibenarkan untuk menyediakan sama ada bil / resit / invois biasa (jika Pembekal masih belum melaksanakan e-Invois mengikut garis masa pelaksanaan) atau e-Invois yang disahkan untuk mengesahkan transaksi bagi tujuan cukai sehingga pelaksanaan penuh e-Invois. Oleh itu, tiada perubahan pada bil dan proses pengebilan kami. Anda akan terus menerima dan membayar bil seperti biasa. Proses pengebilan sedia ada tidak berubah dengan pengenalan e-Invois sehingga pelaksanaan penuhnya.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
UNTUK PEMBELIAN DI UNIFI STORE		
15.	Bagaimanakah cara untuk memohon e-Invois bagi pembelian yang dibuat di Unifi Store?	Untuk memohon e-Invois bagi pembelian anda di Unifi Store, sila akses Portal e-Invois TM (https://e-invoice.tm.com.my/) dan lengkapkan Bahagian A hingga Bahagian D .
16.	Apakah garis masa untuk memohon e-Invois bagi pembelian yang dibuat di Unifi Store?	Anda boleh memohon e-Invois untuk pembelian bulan semasa sebelum jam 11.59 malam pada hari terakhir bulan semasa. Pada tengah malam, semua transaksi jualan yang tidak di e-invois secara individu akan disatukan dan dihantar kepada LHDN sebagai 'consolidated e-invoice'. Sila ambil maklum bahawa TM tidak mempunyai kewajipan untuk mengeluarkan e-invois kepada pelanggan bagi sebarang permintaan e-invois yang dikemukakan selepas tempoh masa yang dinyatakan di atas. Senario 1: Pelanggan membuat pembelian pada 1 Julai 2025, pelanggan perlu memohon e-Invois dengan memberikan maklumat yang diperlukan melalui Portal e-Invois TM bermula dari tarikh pembelian hingga hari terakhir bulan tersebut, 31 Julai 2025 pada jam 11.59 malam.

		Senario 2: Pelanggan membuat pembelian pada 31 Julai 2025, pelanggan perlu memohon e-Invois dengan memberikan maklumat yang diperlukan melalui Portal e-Invois TM dari masa pembelian sehingga 11.59 malam pada hari yang sama kerana itu adalah hari terakhir bulan tersebut. Senario 3: Pelanggan membuat pembelian pada 31 Julai 2025, pelanggan cuba untuk memohon e-Invois pada jam 12.00 tengah malam, 1 Ogos 2025. Permohonan ini tidak boleh dihantar dan diproses oleh TM.
17.	Apakah perbezaan antara e-Invois TM dan e-Invois daripada Pengedar Sah TM / 'TM Authorised Dealer' (TAD)?	'Unifi Express' atau Pengedar Sah TM / 'TM Authorised Dealer' (TAD) adalah entiti persendirian yang diberi kuasa oleh TM untuk menjual produk TM. Oleh itu, e-Invois untuk pembelian dari TAD tidak diproses dan dikeluarkan oleh pihak TM. Sekiranya anda memerlukan e-Invois untuk pembelian yang dibuat dari TAD, anda boleh memohon terus daripada pihak TAD.
18.	Adakah saya perlu memohon e-Invois melalui Portal e-Invois TM setiap kali membuat pembelian di Unifi Store?	Ya, bagi setiap pembelian yang dibuat di Unifi Store, anda perlu mendaftar dan memberikan maklumat anda kepada TM melalui portal e-Invois TM untuk menerima e-Invois.